

# Kerajaan diminta kaji

BH 14 JUN 2002

Oleh **Salbiah Ani**

KUALA LUMPUR, Khamis — Persatuan Penuis Nasional Malaysia (Pena) mahu Umno dan kerajaan tidak meneruskan rancangan untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik murid tahun satu, mulai tahun depan.

Timbalan Prksidennya, Datuk Baharuddin Zainal, menegaskan cadangan itu, jika diteruskan, boleh

membantutkan perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa moden, terutama dalam bidang sains dan teknologi pada masa akan datang.

“Jika dulu sesetengah pelajar Melayu gagal dalam mata pelajaran bahasa Inggeris tetapi kini ia akan merebak kepada Sains dan Matematik kerana keupayaan memahaminya itu merosot kerana masalah bahasa.”

“Pena tidak menentang

malahan menyokong penuh usaha kerajaan untuk memperhebatkan penggunaan bahasa Inggeris dalam penulisan, pertuturan dan pembacaan pelajar negara ini.

“Bagaimanapun, kami tidak dapat menerimanya jika tindakan itu melemahkan pula kedudukan serta kemajuan bahasa Melayu,” katanya dalam satu kenyataan.

Cadangan menggunakan bahasa Inggeris da-

lam pengajaran subjek Sains dan Matematik bermula pada peringkat Tahun Satu, diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, 10 Mei lalu.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu dibuat atas kesedaran pentingnya penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat tempatan, khususnya Bumiputera kerana ia adalah bahasa antarabangsa yang

## guna bahasa Inggeris

digunakan secara meiuas.

Bagaimanapun, katanya, MT Umno menolak cadangan diwujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris kerana tindakan itu tidak secocok dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Baharuddin berkata, Pena dalam mesyuarat terkejutnya pada 7 Jun lalu memutuskan langkah mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tidak dapat menyele-

saikan masalah merosotnya penguasaan bahasa Inggeris pelajar.

Malah, katanya, Pena bimbang pelajar di luar bandar khususnya di kawasan perkampungan akan menerima kesan paling teruk daripada pelaksanaan kerana guru sudah terbiasa mendidik pelajar dalam bahasa Melayu untuk dua subjek berkenaan.

“Kesan buruk tindakan ini ialah terbantutnya per-

kembangan bahasa Melayu sebagai bahasa moden, terutama dalam bidang sains dan teknologi di negara ini pada masa depan sedangkan usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu sudah menunjukkan hasilnya,” katanya.

Beliau berkata, amat tidak kena pada tempatnya untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dengan mengambil alih fungsi bahasa Melayu da-

lam Sains dan Matematik yang sudah dimulakan sejak 30 tahun dulu dalam sistem pendidikan negara.

“Pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan sejak sekian lama tidak menjadi menghalang kemajuan negara selama ini. Justeru, tidak ada sebabnya untuk kita mengurangi kedudukan dan perkembangan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan,” katanya.